

# Nafta sekat barangan

Y

B.H 15 AUG 1992

CHANGLOON (Kedah), Jumaat — Malavsia dukacita dengan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) yang diterajui Amerika Syarikat kerana kuasa besar itu menentang penubuhan Kumpulan Perundine Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan negara ini

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia juga pernah menyuarakan kebimbangan mengenai penubuhan Nafta kerana ia menyekat memasuki barangan dari luar ke negara yang menganggotai perjanjian mengenainya.

"Kita memang khuatir mengenai perkara ini dan sebab itulah kita berasa amat dukacita.

"Mereka boleh tubuh Nafta, tetapi apabila kita cadangkan penubuhan EAEC mereka tidak benarkan," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan penduduk Rancangan Felda Bukit Tangga, di Sekolah Kebangsaan Bukit Tangga, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas persetujuan Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico menubuh zon bebas cukai terbesar di dunia, membabitkan 360 juta penduduk.

Penubuhan Nafta diumumkan Presiden George Bush di Washington, Rabu lalu.

Penubuhan zon itu akan mewujudkan pasaran terkaya di dunia, iaitu hampir menyamai saiz Kesatuan Eropah (EC) dengan lebih 360 juta pengguna dan pengeluar, membatikan keluaran bernilai \$16.2 trilion (AS\$6 trilion) setahun.

Selain Malaysia, beberapa negara Asia lain, ter-

masuk Jepun, Korea Selatan dan Thailand bimbang dengan penubuhan Nafta.

Dr Mahathir berkata, penubuhan zon bebas cukai Nafta menyekat kemasukan barangan luar kerana barangan mereka lebih murah berikhtan guna tenaga yang murah di Mexico.

"Jika kita berhasrat menembusi pasaran Mexico, mereka tidak benarkan, kecuali kita serahkan sebahagian besar yang dimiliki kepada Mexico.

"Barangan kita juga mungkin tidak berupaya bersaing dengan barangan Amerika Syarikat terus berusaha menjadi

dan Kanada yang dikeluarkan di Mexico," katanya.

Ditanya langkah Malaysia selanjutnya, Perdana Menteri berkata:

"Malaysia akan cuba menembusi kawasan berkenaan kerana kita ada 18 peratus perdagangan dengan Amerika Syarikat.

"Malaysia juga sedang meningkatkan perdagangan dengan Mexico. Saya harap penubuhan Nafta tidak akan mengganggu kita dan kajian mendalam mengenainya akan dilaksanakan."

Mengenai EAEC, beliau berkata, Malaysia akan berusaha menjadi

kan ia kenyataan dan tidak akan berhehti daripada berbuat demikian.

Menurutnya, cadangan penubuhan kumpulan itu mendapat sokongan ramai peniaga dan usahawan Jepun, tetapi kerajaan mereka mungkin tidak begitu bersetuju kerana menerima tekanan Amerika Syarikat:

"Jepun menerima tekanan hebat dan sekarang van mini keluaran negara itu tidak dibenarkan memasuki pasaran Amerika Syarikat.

"Bagaimanapun, kita yakin akhirnya Jepun akan menyokong penubuhan EAEC," katanya.